

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI MUJAHID YUSOFF RAWA [JERAI]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju dan gagasan Agama Islam yang akan dibawa oleh Kerajaan sekarang dan bagaimanakah perancangan memperkasakan gagasan tersebut.

**JAWAPAN : YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang kerajaan sedang menumpukan kepada program-program bagi membantu golongan yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif telah dirangka bagi memastikan seluruh agensi agama yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) berfungsi dan berperanan semaksima mungkin bagi menangani situasi ketika ini.

Berkenaan hala tuju dan gagasan agama Islam yang dirancang oleh kerajaan, saya ingin tegaskan bahawa kerajaan amat serius untuk meneruskan apa jua agenda baik yang telah dirangka oleh kerajaan-kerajaan terdahulu. Sebagai contoh, baru-baru ini saya telah melancarkan beberapa buku berkaitan Maqasid Syariah.

Hasrat kerajaan adalah untuk membumikan lagi kefahaman Maqasid Syariah itu sehingga ia dianggap sebagai Maqasid Insaniyyah atau matlamat kemanusiaan dan boleh diterima oleh semua pihak sama ada Islam atau bukan Islam. Justeru kerajaan merancang untuk memperkuatkannya apa jua inisiatif yang baik dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.